

Terima Kasih Saudari/Saudara Pengacara
Majlis

- Yang Berbahagia Pengerusi ANGKASA Negeri Selangor,
- Yang Berusaha wakil INSKEN,
- Yang dihormati barisan kepimpinan koperasi,
- Serta para peserta Usrah Membangun Usahawan Madani yang saya muliakan.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam **Majlis Usrah Membangun Usahawan Madani (UMUM) Siri Ke-4** pada hari ini, dalam suasana penuh ukhuwah, perkongsian ilmu dan kesedaran bersama terhadap tanggungjawab membangunkan ekonomi ummah.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **ANGKASA Negeri Selangor dan INSKEN**

atas komitmen berterusan menganjurkan program sebegini dimana ini adalah kali kedua ANGKASA menjadi tuan rumah dalam penganjuran usrah bersama INSKEN. Kolaborasi ini bukan sahaja memberi manfaat kepada gerakan koperasi dan agensi, malah turut menyumbang kepada pembinaan ekosistem keusahawanan yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Hadirin yang saya hormati,

3. Usrah Membangun Usahawan Madani ini bukan sekadar satu program perkongsian ilmu, tetapi merupakan medan pembentukan pemikiran, nilai dan hala tuju usahawan koperasi dalam mendepani cabaran semasa. Kita sedar bahawa dunia perniagaan hari ini sedang melalui perubahan yang sangat pantas, khususnya dengan kemunculan teknologi baharu dan kecerdasan buatan atau *artificial intelligence*.

4. Sehubungan itu, tema yang diketengahkan pada kali ini, iaitu “**AI, Teknologi dan Kolaborasi: Formula Survival Perniagaan Melayu Muslim – Teknologi Sebagai Alat dan Nilai Sebagai Panduan**”, amat bertepatan dengan keperluan semasa. Teknologi sewajarnya dimanfaatkan sebagai alat untuk memperkukuh kecekapan dan daya saing, namun dalam masa yang sama, nilai, etika dan prinsip mesti terus menjadi teras kepada setiap keputusan dan tindakan kita.

5. Saya percaya, perkongsian ilmu oleh **Dato 'Dr. Shakir Husein** sebentar nanti akan memberi pencerahan yang bermakna, membuka minda serta membantu para tetamu memahami bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan secara berhemah, selari dengan nilai Islam dan semangat Madani.

Hadirin sekalian,

6. ANGKASA akan terus komited dalam memperkasa koperasi melalui pelbagai pendekatan strategik, termasuk pembangunan kapasiti, latihan, bimbingan serta kerjasama dengan agensi berkaitan. Matlamat kita jelas — untuk melahirkan koperasi yang berdaya saing, berintegriti dan mampu menjadi pemacu kesejahteraan ekonomi masyarakat.

Para Hadirin Sekalian

7. Dalam menangani transformasi digital gerakan koperasi negara, kerajaan melalui Pelan Tindakan DigiKOP 2030 telah merangka strategi komprehensif untuk mempercepatkan pendigitalan koperasi di seluruh Malaysia. Pelan ini disokong di bawah Dasar Koperasi Malaysia 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi TransKoM, dengan kerjasama KUSKOP, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, IKMa dan ANGKASA untuk memastikan koperasi bergerak seiring

dengan perkembangan teknologi serta tuntutan ekonomi digital.

8. DigiKOP 2030 bertujuan untuk menyediakan ekosistem digital yang bersepadu bagi koperasi, termasuk pembangunan infrastruktur digital, latihan, sokongan teknologi dan rangka kerja tadbir urus yang lebih moden. Salah satu contoh inisiatif yang dilaksanakan ialah penyediaan infrastruktur laman web percuma kepada koperasi supaya mereka dapat menampilkan maklumat dan perkhidmatan secara digital kepada ahli dan pelanggan.

9. Pendekatan pendigitalan ini bukan sekadar fokus kepada penggunaan teknologi semata-mata, tetapi turut merangkumi usaha meningkatkan keupayaan modal insan, kecekapan pengurusan dan pemerasaan ekonomi anggota koperasi agar lebih berdaya saing dalam persekitaran

perniagaan yang semakin pantas berubah. Ini selari dengan visi kita untuk membina koperasi yang mampan, cekap dan relevan dalam era ekonomi digital.

10. Saya berharap para hadirin dapat memanfaatkan sepenuhnya sesi pada hari ini, memperkukuh jaringan kerjasama, serta membawa pulang ilmu yang boleh diterjemahkan dalam pengurusan dan pembangunan koperasi serta agensi masing-masing.

11. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Usrah Membangun Usahawan Madani (UMUM) Siri Ke-4**.

Sekian, *Wabillahitaufik wal hidayah, Assalamualaikum w.b.t.*